



LUQMAN HAKIMI | BERTA MINGGU

NORIAH (tiga dari kiri) diiringi Meme (kiri) dan Subahan (dua dari kanan) bermesra dengan sebahagian pemenang Temasya Sukaneka OKU di Kepong, semalam.

B.M 4/2/09 MB 19

OKU tak mampu kerja dapat elaun

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memberikan elaun RM150 kepada orang kurang upaya (OKU) yang tidak mampu bekerja berdasarkan peruntukan dalam Bajet 2009 mulai bulan ini, kata Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Noriah Kasnon.

Katanya, bantuan itu akan disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaras dengan komitmen kerajaan terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan OKU dan Akta OKU 2008 mengenai hak asasi mereka.

“Kementerian berharap elaun itu dapat meringankan beban OKU, sekali gus mem-

buktikan kerajaan tidak pernah mengabaikan golongan berkenaan, sebaliknya mengiktiraf bakat yang dimiliki mereka dalam pelbagai bidang terutama sukan.

“Mereka (OKU) tidak akan disisihkan, malah pemberian elaun ini adalah lanjutan pemberian insentif kepada OKU bekerja dan terlantar

yang dilaksanakan tahun lalu,” katanya ketika berucap merasmikan Temasya Sukaneka OKU sempena Hari OKU Sedunia, di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah JKM, Datuk Meme Zainal Rashid; Pengarah JKM Selangor, Adnan Abu Bakar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Taman Temppler, Datuk Subahan Kamal.

Sementara itu, mengulas lanjut mengenai perkara itu, Meme berkata, elaun berkenaan hanya diberikan kepada OKU yang didaftarkan di bawah program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di setiap negeri.

FAKTA NOMBOR

RM150 elaun

Jumlah bantuan OKU
tidak mampu bekerja